

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**MAJLIS PARLIMEN YANG KELIMA BELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**HARI RABU, 21 DISEMBER 2022, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 1**

---

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Menteri Dalam Negeri** akan mencadangkan :-

"Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu. "

2. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, saya mohon mencadangkan supaya Ahli Yang Berhormat berikut:

1. Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim  
– [ Pengerusi ] [ Yang di-Pertua Dewan Negara ]
2. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah
3. Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A/L A. Achyuthan Nair
4. Yang Berhormat Senator Tan Sri Hj. Mohamad Fatmi bin Hj. Che Salleh
5. Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding

dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pemilih di bawah Peraturan Mesyuarat 70 untuk tempoh Penggal Pertama, Parlimen Kelima Belas dan selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 70 (2), Majlis Mesyuarat dengan ini memberi kuasa kepada Jawatankuasa Pemilih memanggil orang hadir dihadapannya serta meminta dikeluarkan surat-surat.”

3. \*( D.R 47/2022 ) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun) 2022 **Bacaan Kali Kedua**

**[ Menteri Kewangan ]**

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.